

12 MAR 1997

Ting-Pokok

DEPOSIT PEMAJU BOLEH DIGUNA UNTUK SIAPKAN LANSKAP

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Pemaju perumahan yang tidak dapat melengkapkan projek lanskap di kawasan perumahan tetapi mahukan Sijil Layak Menduduki (CF) boleh mendapatkannya dengan membayar deposit kepada pihak berkuasa tempatan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Ting Chew Peh hari ini berkata, selepas membayar deposit itu CF akan dikeluarkan tetapi pemaju mesti terus berusaha menyempurnakan lanskap itu dalam tempoh yang ditetapkan.

Jika tidak pihak berkuasa tempatan boleh menggunakan deposit itu bagi melengkapkan kerja lanskap dan deposit itu hanya akan dikembalikan sekiranya kerja itu dapat disempurnakan oleh pemaju.

Beliau berkata ini bagi mengelakkan kelewatan dalam pengeluaran CF kerana kegagalan pemaju menyiapkan lanskap dan pada masa yang sama memastikan kerja-kerja lanskap tetap dijalankan.

CF penuh hanya akan dikeluarkan kepada pemaju yang memenuhi syarat dan antaranya termasuklah menyediakan kawasan untuk lanskap," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan Kabinet di Kementerian, di sini.

Ting berkata, tidak semua pihak berkuasa tempatan mensyaratkan deposit seperti itu dan menambah kata jumlah deposit itu juga bergantung kepada pihak berkuasa tempatan.

Sementara itu kata beliau, kerajaan sekarang serius dalam penanaman pokok dan baru-baru ini Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan gerakan menanam pokok secara besar-besaran dengan sasaran tiga juta pokok pada tahun 2000.

Semua kerajaan negeri telah mengemukakan laporan mengenai projek menanam pokok pada Kementerian dan yakin sasaran yang telah ditetapkan bagi setiap negeri akan dicapai, katanya.

Ting berkata, negeri yang mempunyai populasi penduduk yang besar akan menanam lebih banyak pokok dalam setahun seperti Perak 90,000 pokok, Johor dan Selangor masing-masing 80,000.

Beliau menggalakkan kerjasama antara kerajaan negeri dengan swasta dan pada masa yang sama menyeru badan swasta menanam pokok yang mempunyai nilai komersil seperti buah-buahan.

Mengenai Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) beliau berkata, indeks itu membolehkan kerajaan dan pengguna mengesan pergerakan harga rumah dan membantu pembeli dalam membuat keputusan mengenai pembelian rumah.

Ting berkata buat masa ini Kementerian itu belum menerima sebarang aduan mengenai harga rumah hingga memerlukan campurtangannya, bagaimanapun berjanji akan mengambil langkah sewajarnya sekiranya harga rumah melambung ke tahap yang melampau.

-- BERNAMA

LES PR